



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 4 TAHUN 2022

GARIS PANDUAN PROGRAM *BRIDGING* DAN KURSUS PENGUKUHAN PASCASISWAZAH UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Pejabat Pendaftar
30 Mac 2022

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasilitas)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/6 (15)

30 Mac 2022

PEKELILING AKADEMIK BIL. 4/2022

GARIS PANDUAN PROGRAM *BRIDGING* DAN KURSUS PENGUKUHAN PASCASISWAZAH UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

Pekeliling Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf mengenai Garis Panduan Program *Bridging* dan Kursus Pengukuhan Pascasiswazah Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Bagi memantapkan pengurusan Program Pascasiswazah UTeM, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH) telah mencadangkan Garis Panduan Program *Bridging* dan Kursus Pengukuhan Pascasiswazah UTeM bagi melicinkan pelaksanaan program pascasiswazah yang akan dijalankan pada masa akan datang.
- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 6 Tahun 2021 yang bersidang pada 22 Disember 2021 telah bersetuju dengan cadangan Garis Panduan Program *Bridging* Dan Kursus Pengukuhan Pascasiswazah Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

3.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan Program *Bridging* dan Kursus Pengukuhan Pascasiswazah Universiti Teknikal Malaysia Melaka ini berkuat kuasa mulai 22 Disember 2021.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT
Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**GARIS PANDUAN
PROGRAM *BRIDGING* DAN
KURSUS PENGUKUHAN
PASCASISWAZAH
UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2021

1.0 PENGENALAN

1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai pelaksanaan Program *Bridging* dan Kursus Pengukuhan untuk semua program pascasiswazah di UTeM.

1.2 Objektif :-

- (a) Membantu calon pascasiswazah dalam merancang pengajian di UTeM bagi mengikuti Program *Bridging* dan Kursus Pengukuhan.
- (b) Mengikut keperluan syarat kemasukan terkini MQA yang dinyatakan sepertimana di dalam *Standards: Master's and Doctoral Degree* pada Jun 2021.
- (c) Menjelaskan kelayakan-kelayakan yang perlu dan tidak memerlukan Program *Bridging* mengikut dokumen MQA dan juga mencadangkan Kursus Pengukuhan yang boleh ditawarkan mengikut keperluan program yang diikuti.
- (d) Mencadangkan bayaran yuran-yuran yang boleh dipertimbangkan jika Program *Bridging* dilaksanakan secara pesisir.

2.0 TAFSIRAN DAN INTERPRETASI

2.1 Dalam Garis Panduan ini jika konteksnya menghendaki maksud yang lain—

“**calon**” ertinya pelajar yang telah mendaftar dan sedang dalam proses mengikuti Program *Bridging* sebelum mendaftar sebagai pelajar program akademik pascasiswazah;

“**Dekan**” ertinya ketua Fakulti/Sekolah/Institut yang dilantik berdasarkan Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

“**Fakulti/Sekolah/Institut**” ertinya Pusat Tanggungjawab yang menjalankan program-program akademik;

“**gred**” ertinya abjad bagi menunjukkan pencapaian pelajar dalam sesuatu kursus;

“**JKTSPS**” ertinya Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Siswazah;

“**kredit**” ertinya unit ukuran beban bagi sesuatu kursus;

“**Kursus *Bridging***” ertinya kursus prasyarat (*prerequisite*) ber kredit sepertimana yang dijelaskan di perenggan 4 Garis Panduan ini;

“**Kursus Pengukuhan**” ertinya kursus yang diambil oleh pelajar secara tidak formal semasa mengikuti program akademik pascasiswazah dengan Mod Penyelidikan;

“**kursus**” ertinya unit kurikulum yang terdiri dari beberapa topik yang saling berkaitan, yang kebiasaannya ditawarkan pada semester dengan beban jam kredit tertentu dan kod tertentu;

“MQA” ertinya Malaysian Qualification Agency yang ditubuhkan di bawah Akta Kelayakan Malaysia 2007 dan berperanan sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaraskan jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara;

“Mod Kerja Kursus” ertinya mod program yang terdiri daripada kursus yang diajar. Seorang pelajar perlu menghadiri kuliah, tutorial, kerja makmal dan seminar serta dinilai berdasarkan tugas, projek, ujian dan peperiksaan;

“Mod Penyelidikan” ertinya mod program secara penyelidikan yang memberi tumpuan terutamanya pada aktiviti penyelidikan sebagai syarat utama untuk menamatkan pengajian;

“pelajar” ertinya individu yang berdaftar dengan UTeM dan telah menyempurnakan pendaftaran program pascasiswazah;

“perdana” ertinya program akademik yang ditawarkan di UTeM secara sepenuh masa;

“pesisir” ertinya program akademik yang ditawarkan di luar kampus;

“PNGK” ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif ialah ukuran pencapaian akademik seseorang pelajar bagi keseluruhan semester yang telah disempurnakan;

“Program Bridging” ertinya program yang mengandungi Kursus *Bridging* ber kredit dan calon perlu lulus sekurang-kurangnya gred B- untuk semua kursus yang diambil;

“Senat” ertinya Senat UTeM iaitu badan tertinggi akademik di UTeM;

“Tempoh Pengajian” adalah jumlah semester atau tahun di mana seorang pelajar didaftarkan.

“UTeM” ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.2 Interpretasi

- (a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.
- (b) Pada bila-bila masa Garis Panduan ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut perlu dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar Gregorian.
- (c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam Garis Panduan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Garis Panduan ini.
- (d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Garis Panduan ini (jika ada) perlu diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Garis Panduan ini.

3.0 UNDANG-UNDANG

- 3.1 Garis Panduan ini perlu dibaca bersama undang-undang berikut:-
- (a) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;
 - (b) Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka;
 - (c) Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009;
 - (d) MQA – *Standards: Master's and Doctoral Degree*;
 - (e) *Postgraduate Academic Regulations*;
 - (f) Peraturan Program Pesisir Pascasiswazah UTeM
 - (g) Garis Panduan Program Pesisir Pascasiswazah UTeM; dan
 - (h) mana-mana undang-undang, kaedah, peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- 3.2 Sekiranya mana-mana peruntukan di dalam Garis Panduan ini menjadi tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan disebabkan sebarang alasan, termasuk dan tidak terbatas kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa atau disebabkan keputusan mahkamah atau badan lain atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Garis Panduan ini, maka hanya peruntukan tersebut sahaja yang terbatal manakala peruntukan-peruntukan yang lain masih sah dan berkuat kuasa.
- 3.3 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada dasar, pekeliling, surat pekeliling, kaedah, garis panduan, arahan dan undang-undang semasa lain yang berkaitan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- 3.4 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.

4.0 PROGRAM *BRIDGING*

4.1 DEFINISI

- 4.1.1 Program *Bridging* adalah program yang bertujuan untuk menyediakan kemahiran atau pengetahuan asas seorang calon menghadapi cabaran intelektual pendidikan universiti di peringkat pascasiswazah (Mod Kerja Kursus, Mod Campuran dan Mod Penyelidikan) dan bukan untuk menggantikan kekurangan kelayakan kemasukan.
- 4.1.2 Program *Bridging* tidak perlu mendapat kelulusan pengendalian Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau akreditasi MQA. Penilaian ke atas Program *Bridging* akan dilakukan semasa MQA menilai suatu program pengajian.
- 4.1.3 Program *Bridging* mengandungi Kursus *Bridging* bercredit dan calon perlu lulus sekurang-kurangnya gred B- untuk semua kursus yang diambil sebelum seorang calon boleh mengikuti program akademik pascasiswazah.
- 4.1.4 Program *Bridging* perlu diambil dan lulus dalam tempoh maksimum dua (2) semester.
- 4.1.5 Sekiranya gagal dalam mana-mana Kursus *Bridging* yang diikuti, calon boleh memohon Peperiksaan Khas.
- 4.1.6 Bayaran yuran dikenakan mengikut kadar yang ditetapkan dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

4.2 PERANAN

- 4.2.1 Bagi calon tanpa kelayakan dalam bidang yang berkaitan dengan program yang ingin diikuti di peringkat pascasiswazah (Mod Kerja Kursus, Mod Campuran dan Mod Penyelidikan).

- 4.2.2 Manakala, calon yang mempunyai kelayakan bidang yang tidak berkaitan dengan program akademik pascasiswazah yang dipohon, perlu mengikuti Program *Bridging* sebagai syarat kemasukan.
- 4.2.3 **Jadual 1** Garis Panduan ini merupakan keperluan Program *Bridging* untuk program akademik pascasiswazah yang sedia ada di UTeM. Calon dengan kelayakan bidang yang berkaitan dengan program yang dipohon **TIDAK** perlu mengikuti Program *Bridging*.
- 4.2.4 Walau bagaimanapun, keperluan Program *Bridging* untuk seseorang calon adalah tertakluk kepada perubahan syarat-syarat kemasukan dari semasa ke semasa oleh pihak Fakulti/Sekolah/Institut yang berkenaan dalam sesuatu program akademik pascasiswazah.
- 4.2.5 Semua permohonan kemasukan ke mana-mana program akademik pascasiswazah perlu memenuhi syarat minimum PNGK yang dinyatakan di dalam *Postgraduate Academic Regulations* dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak MQA.
- 4.2.6 Cadangan Program *Bridging* bagi seorang calon akan dicadangkan oleh pihak Fakulti/Sekolah/Institut yang berkenaan dan diluluskan oleh JKTSPS.

Jadual 1 : Keperluan Program *Bridging* Untuk Program Pascasiswazah Yang Sedia Ada di UTeM

Program pascasiswazah yang dipohon	Kelayakan yang TIDAK memerlukan Program <i>Bridging</i>	Kelayakan yang memerlukan Program <i>Bridging</i>
Bidang Kejuruteraan	Bidang Kejuruteraan / Teknologi Kejuruteraan / Teknologi / Sains yang	Bidang Kejuruteraan / Teknologi Kejuruteraan / Teknologi / Sains yang

Program pascasiswazah yang dipohon	Kelayakan yang TIDAK memerlukan Program <i>Bridging</i>	Kelayakan yang memerlukan Program <i>Bridging</i>
	mempunyai sekurang-kurangnya 30% kandungan kursus yang berkaitan. ATAU Bidang Kejuruteraan / Teknologi Kejuruteraan / Teknologi / Sains yang tidak berkaitan dengan sekurang-kurangnya SATU (1) tahun pengalaman kerja yang berkaitan dan diperakui oleh Fakulti / Sekolah / Institut melalui penilaian yang teliti (<i>rigorous assessment</i>).	mempunyai kurang daripada 30% kandungan kursus yang berkaitan. DAN Tidak mempunyai sekurang-kurangnya SATU (1) tahun pengalaman kerja yang berkaitan.
Bidang Komputeran	Bidang Teknologi / Sains Pengkomputeran ATAU Bidang yang mempunyai sekurang-kurangnya 30% kandungan kursus yang berkaitan dengan Komputeran dan	Bidang yang tidak berkaitan dengan kurang daripada 30% kandungan kursus yang berkaitan dengan Komputeran dan Pengkomputeran. DAN Tidak mempunyai

Program pascasiswazah yang dipohon	Kelayakan yang TIDAK memerlukan Program <i>Bridging</i>	Kelayakan yang memerlukan Program <i>Bridging</i>
	Pengkomputeran. ATAU Bidang yang tidak berkaitan dengan sekurang-kurangnya SATU (1) tahun pengalaman kerja yang berkaitan dan diperakui oleh Fakulti / Sekolah / Institut melalui penilaian yang teliti (<i>rigorous assessment</i>).	sekurang-kurangnya SATU (1) tahun pengalaman kerja yang berkaitan.
Bidang Pengajian Perniagaan, Pengurusan, Kepimpinan dan Sains Sosial	Bidang berkaitan dengan Pengajian Perniagaan, Pengurusan, Kepimpinan dan Sains Sosial ATAU Bidang yang tidak berkaitan dengan Pengajian Perniagaan, Pengurusan, Kepimpinan dan Sains Sosial dengan sekurang-kurangnya	Bidang yang tidak berkaitan dengan Pengajian Perniagaan, Pengurusan, Kepimpinan dan Sains Sosial DAN Tidak mempunyai sekurang-kurangnya SATU (1) tahun pengalaman kerja yang berkaitan dengan Pengajian Perniagaan, Pengurusan,

Program pascasiswazah yang dipohon	Kelayakan yang TIDAK memerlukan Program <i>Bridging</i>	Kelayakan yang memerlukan Program <i>Bridging</i>
	SATU (1) tahun pengalaman kerja yang berkaitan dan diperakui oleh Fakulti / Sekolah / Institut melalui penilaian yang teliti (<i>rigorous assessment</i>).	Kepimpinan dan Sains Sosial.

4.3 KOMPONEN

4.3.1 Calon perlu menghadiri dan lulus Program *Bridging* sebelum mendaftar program akademik sepenuh masa/separa masa/pesisir pascasiswazah yang ditawarkan.

4.3.2 Kursus *Bridging* yang ditawarkan adalah atas cadangan oleh pihak Fakulti/Sekolah/Institut yang berkenaan dengan jumlah kredit antara 9 – 12.

4.4 KEMASUKAN KE PROGRAM PASCASISWAZAH DI FAKULTI SEKOLAH / INSTITUT MELALUI PROGRAM *BRIDGING*

4.4.1 Calon akan dimasukkan ke program yang ditawarkan secara bersyarat sama ada sepenuh masa/separa masa/pesisir. Perubahan penawaran program ketika ini adalah **TIDAK** dibenarkan.

4.4.2 Calon perlu mendaftar di Pusat Pengajian Siswazah (PPS) untuk mengikuti program pascasiswazah yang berkaitan selepas semua syarat kemasukan telah dipenuhi.

4.5 TEMPOH PENGAJIAN PROGRAM *BRIDGING*

4.5.1 Calon dikehendaki melengkapkan Program *Bridging* dalam tempoh semester maksimum yang dibenarkan, seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2** Garis Panduan ini.

Jadual 2: Semester Maksimum Yang Dibenarkan

Komponen	Maksimum Semester
Program <i>Bridging</i>	2

4.5.2 Calon dinilai berdasarkan semua kursus yang didaftarkan setiap semester mengikut *Postgraduate Academic Regulations*.

4.5.3 Pendaftaran kursus mesti dilakukan di Pusat Pengajian Siswazah berdasarkan *Postgraduate Academic Regulations*.

4.5.4 Calon hanya boleh mendaftar kursus yang ditawarkan dengan kelulusan pihak Fakulti/Sekolah/Institut.

4.5.5 Calon bertanggungjawab untuk menyemak sebarang kesilapan di dalam slip pendaftaran kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan.

4.5.6 Semua urusan akademik adalah tertakluk kepada *Postgraduate Academic Regulations* yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

4.6 TATATERTIB / SALAH LAKU AKADEMIK

4.6.1 Calon yang melanggar mana-mana atau keseluruhan peruntukan di dalam:-

(a) *Postgraduate Academic Regulations*;

(b) Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib

Pelajar-Pelajar) 2009; dan

- (c) mana-mana undang-undang, kaedah, peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa,

boleh dikenakan tindakan berdasarkan undang-undang, kaedah, peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

4.7 SISTEM GRED

- 4.7.1 Prestasi pelajar dalam mana-mana kursus ditunjukkan oleh gred yang diperolehi. Hubungan antara markah dan gred ditunjukkan dalam **Jadual 3** Garis Panduan ini.

Jadual 3: Hubungan antara Markah dan Gred

Markah	Gred	
80 – 100	A	LULUS
75 – 79	A –	
70 – 74	B +	
65 – 69	B	
60 – 64	B –	
55 – 59	C +	GAGAL
50 – 54	C	
47 – 49	C –	
44 – 46	D +	
40 – 43	D	
0 – 39	E	

- 4.7.2 Penilaian kursus dijalankan secara berterusan sepanjang semester dalam bentuk ujian, kuiz, tugas dan peperiksaan akhir.

- 4.7.3 Peperiksaan akhir perlu dijalankan dalam tempoh masa tertentu, mengikut garis panduan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh pihak UTeM.

4.7.4 Jika pelajar gagal, pelajar dibenarkan untuk mengulang hanya satu (1) semester pada semester berikutnya.

4.8 KEHADIRAN

4.8.1 Pelajar perlu mematuhi peraturan kehadiran sepertimana yang terkandung di dalam *Postgraduate Academic Regulations*:-

- (a) Pelajar dikehendaki menghadiri semua kuliah, tutorial, seminar, kerja makmal, dan lain-lain untuk kursus yang telah didaftarkan. Kehadiran melebihi 80% diperlukan untuk melayakkan pelajar menduduki peperiksaan akhir.
- (b) Pelajar yang menghadiri kurang daripada 80% gabungan kuliah, tutorial, seminar dan kerja makmal akan dilarang menduduki peperiksaan akhir dan akan diberi markah keseluruhan sifar (0) untuk komponen Peperiksaan Akhir kursus.

4.9 BAYARAN YURAN PROGRAM *BRIDGING* SECARA PERDANA DI KAMPUS

4.9.1 Yuran Program *Bridging* perlu dibayar oleh pelajar setiap semester mengikut kadar dan tempoh yang ditetapkan.

4.9.2 Bayaran untuk Program *Bridging* secara Perdana di kampus adalah seperti di **Jadual 4** Garis Panduan ini.

Jadual 4 : Bayaran Yuran Program *Bridging* Secara Perdana di Kampus

Bayaran	Pelajar Tempatan (RM)	Pelajar Antarabangsa (RM)
---------	-----------------------------	---------------------------------

A	Yuran Pendaftaran (dibayar sekali sahaja semasa kemasukan)		
	• Pendaftaran • Kad pintar pelajar	20 50	20 50
	Jumlah (A)	70	70
B	Yuran Perkhidmatan (dibayar setiap semester)		
	• Aktiviti pelajar • Pentadbiran	30 140	30 140
	Jumlah (B) per semester	170	170
C	Yuran Pelajaran		
	• RM / kredit	150	262.50

4.9.3 Bagi Program *Bridging* yang dijalankan secara perdana, calon akan mengikuti kursus sedia ada yang ditawarkan dan tidak ada sebarang bayaran honorarium, pengangkutan, tempat tinggal, sewaan tempat dan segala kos lain yang berkaitan.

4.10 BAYARAN YURAN PELAJARAN PROGRAM *BRIDGING* SECARA PESISIR

4.10.1 Yuran Pelajaran Program *Bridging* secara pesisir di luar kampus adalah sepertimana di dalam **Peraturan Program Pesisir Pascasiswazah UTeM** dan **Garis Panduan Program Pesisir Pascasiswazah UTeM** setelah mengambil kira faktor lokasi program pesisir, bilangan pelajar, kos seperti honorarium, pengangkutan, tempat tinggal, sewaan tempat dan segala kos lain mengikut model yang berkaitan.

4.10.2 Penawaran Program *Bridging* secara pesisir tertakluk kepada bilangan *break-even* pelajar seperti yang ditetapkan dalam

Peraturan Program Pesisir Pascasiswazah UTeM dan Garis Panduan Program Pesisir Pascasiswazah UTeM bagi memastikan kualiti penyampaian yang berkualiti mengikut program perdana.

4.10.3 Sebahagian yuran pelajaran dibayar kepada UTeM berdasarkan kadar yuran pelajaran mengikut ketetapan berikut:

- 20% - 80 % daripada yuran pelajaran

4.10.4 Tuntutan perjalanan, penginapan dan sara hidup.

4.10.4.1 Tuntutan perjalanan, penginapan dan sara hidup bagi program pesisir pascasiswazah yang dilaksanakan melalui UTeM adalah tertakluk kepada:-

- (a) Bayaran secara *lumpsum* untuk setiap perjalanan merangkumi elaun perjalanan, penginapan dan sara hidup boleh dibuat tertakluk kepada kewangan sesuatu program pesisir pascasiswazah dan berdasarkan kertas kerja yang diluluskan. Kaedah tuntutan adalah melalui borang tuntutan Bayaran Elaun Program Pesisir;

ATAU

- (b) Peraturan Kewangan dan Perakaunan UTeM, Bab F Pembayaran, Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Universiti Kerana Menjalankan Tugas-Tugas Rasmi.

4.10.5 Bayaran pentadbiran Program *Bridging* secara pesisir juga boleh dibayar mengikut **Peraturan Program Pesisir Pascasiswazah UTeM** dan **Garis Panduan Program Pesisir Pascasiswazah UTeM** seperti di **Jadual 5** Garis Panduan ini. Walau bagaimanapun, kadar bayaran elaun di bawah kadar maksimum boleh dibayar tertakluk kepada:-

- a) Bilangan Pelajar;
- b) Faktor kewangan projek; atau
- c) Mengikut persetujuan pihak-pihak yang terlibat.

Jadual 5: Kadar Bayaran Elaun Pentadbiran

Bil.	Perkara	Kadar Maksimum (RM) / Bulan
i.	Ketua Projek	RM500.00
iii.	Penyelaras Akademik	RM400.00

4.10.6 Bayaran kepada pensyarah UTeM yang terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Program *Bridging* secara pesisir adalah mengikut kadar seperti yang dinyatakan seperti di **Jadual 6** Garis Panduan ini.

Jadual 6: Bayaran Profesional Penceramah Staf UTeM

Bil.	Kategori Perkhidmatan	Kadar Bayaran Maksimum (RM) / jam
i.	Kumpulan Pengurusan Tertinggi / Pakar	300.00
ii.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 53-54	200.00
iii.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 45-52	150.00
iv.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-44	120.00
v.	Kumpulan Sokongan	80.00

- 4.10.7 Bayaran kepada penyedia kertas soalan peperiksaan dan pemeriksa kertas jawapan adalah seperti di **Jadual 7** Garis Panduan ini.

Jadual 7: Bayaran Penyedia Kertas Soalan Peperiksaan dan Pemeriksa Kertas Jawapan

Bil.	Perkara	Kadar Bayaran Maksimum (RM)
i.	Penyedia Kertas Soalan Peperiksaan	RM100.00
ii.	Pemeriksa Kertas Jawapan	RM25.00 satu skrip kertas jawapan

- 4.10.8 Kadar bayaran kepada pengawas peperiksaan adalah berdasarkan kadar maksimum seperti di **Jadual 8** Garis Panduan ini.

Jadual 8: Bayaran Pengawas Peperiksaan

Perkara	Kadar Bayaran Maksimum (RM) / peperiksaan
Pengawas Peperiksaan	100.00

- 4.10.9 Lain-lain honorarium boleh ditentukan oleh Ketua Projek/ Fakulti/Sekolah/Institut bergantung kepada keperluan sesuatu program pesisir pascasiswazah dengan kelulusan pihak berkuasa UTeM yang berkenaan.
- 4.10.10 Walau bagaimanapun, semua bayaran berkaitan program pesisir adalah kepada **Peraturan dan Garis Panduan Program Pesisir Pascasiswazah UTeM** yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

5.0 KURSUS PENGUKUHAN

5.1 DEFINISI

5.1.1 Kursus Pengukuhan adalah kursus yang diambil oleh pelajar secara tidak formal semasa mengikuti program akademik pascasiswazah bagi Mod Penyelidikan sahaja.

5.1.2 Pelajar yang mengikuti Kursus Pengukuhan tidak perlu mengikuti proses penilaian.

5.1.3 Kursus Pengukuhan kepada pelajar dicadangkan oleh Fakulti/Sekolah/Institut (penyelia).

5.1.4 Pelajar juga boleh memohon mengikuti Kursus Pengukuhan dan diluluskan oleh Fakulti/Sekolah/Institut yang menawarkan kursus berkenaan.

5.1.5 Tiada sebarang bayaran yuran pelajaran yang dikenakan untuk Kursus Pengukuhan yang diikuti.

5.2 PERANAN

5.1.1 Untuk mengukuhkan pengetahuan pelajar dalam bidang yang tertentu dan juga membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam menjalankan penyelidikan yang memerlukan pemahaman yang lebih fokus dalam bidang berkaitan.

5.1.2 Ditawarkan kepada pelajar yang mempunyai latar belakang kelayakan yang sama atau tidak berkaitan mengikut program yang dipohon.

5.1.3 Dicadangkan oleh penyelia dan diluluskan di peringkat Fakulti/Sekolah/Institut.

- 5.1.4 Boleh diikuti semasa mengambil program pascasiswazah (Mod Penyelidikan) dan tidak perlu melalui proses penilaian.
- 5.1.5 Pelajar mengikuti Kursus Pengukuhan tidak direkodkan dalam transkrip.